

Majlis apresiasi UPSI iktiraf peranan editor jurnal, penulis buku

Tanjong Malim, 23 Julai - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengiktiraf sumbangan ahli sidang editor jurnal dan penulis buku menerusi Majlis Apresiasi Sidang Editor Jurnal dan Penulis Buku UPSI 2026 sebagai usaha memperkukuh budaya penerbitan ilmiah serta meningkatkan reputasi universiti di peringkat nasional dan antarabangsa. Majlis yang berlangsung di Dewan Muallim, Scholar's Suites, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI itu dirasmikan Pengerusi Lembaga Pengarah TV AlHijrah, Mohd Khair Ngadiron. Mohd Khair berkata majlis berkenaan bukan sekadar penyampaian penghargaan, sebaliknya merupakan pengiktirafan kepada individu yang selama ini berperanan besar dalam membangunkan ekosistem ilmu negara. "Majlis seperti ini bukan sekadar sebuah majlis penyampaian penghargaan. Ia sebenarnya merupakan satu pengiktirafan kepada individu memilih untuk bekerja dalam diam. "Mereka mungkin tidak sentiasa berada di hadapan pentas. Namun merekalah yang membina pentas ilmu untuk generasi selepas kita," katanya ketika berucap merasmikan majlis itu. Beliau berkata penerbitan ilmiah merupakan nadi kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan menjadi antara kayu ukur penting dalam menilai kecemerlangan sesebuah universiti.

"Sesebuah universiti mungkin mempunyai bangunan yang indah, makmal yang moden, pensyarah yang hebat dan pelajar yang cemerlang. Namun jika budaya menulis, menyunting dan menerbitkan ilmu itu terhenti, perlahan-lahan denyut intelektual universiti juga akan menjadi perlahan. Mohd Khair turut menyifatkan Malaysia mempunyai potensi besar untuk muncul sebagai hab intelektual serantau dan menegaskan bahawa negara perlu memainkan peranan sebagai pengeluar ilmu, bukannya sekadar pengguna.

"Saya percaya UPSI turut mempunyai peranan yang sangat

besar dalam cita-cita tersebut," ujar beliau. Majlis tersebut menyaksikan penyampaian pelbagai anugerah kepada editor jurnal dan penulis buku yang cemerlang sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam memperkukuh budaya penerbitan ilmiah UPSI. Bagi kategori Sidang Editor Jurnal, anugerah yang disampaikan ialah Anugerah Ketua Editor Cemerlang, Anugerah Jurnal Berimpak, Anugerah Kejayaan Berimpak, Anugerah Pasukan Editor Jurnal Terbaik, Anugerah Kecemerlangan Penajaan dan Anugerah Jurnal Harapan. Sementara itu, kategori Penulis Buku Terbaik merangkumi Anugerah *Print on Demand* Terbaik, Anugerah Buku Terlaris, Anugerah Karya Asli Terbaik, Anugerah Rakan Penulis, Anugerah Penulis Harapan dan Anugerah Sanjungan Budi serta Anugerah Khas Pejabat Karang Mengarang (PKM). Sementara itu, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) UPSI, Prof Madya Dr. Lena Farida Hussain Chin berkata ahli sidang editor memainkan peranan penting sebagai penjaga gawang kualiti akademik universiti dalam memastikan setiap penerbitan memenuhi piawaian global.

"Berkat usaha gigih sidang editor, jurnal-jurnal universiti terus melangkah megah, malah ada yang telah berjaya mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti MyCITE, Scopus dan Web of Science (WoS). "Setiap naskhah buku yang dihasilkan adalah bukti dokumentasi pemikiran, rujukan rintis dan warisan intelektual yang akan terus dirujuk oleh generasi hari ini dan masa hadapan. Warga akademik UPSI telah membuktikan bahawa budaya '*Publish or Perish*' bukan sekadar slogan, tetapi satu pembudayaan hidup di universiti ini," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI Bentuk Persona Pemimpin Akademik Berteraskan Nilai dan Strategi

Tanjong Malim, 24 Julai - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh agenda pembangunan kepimpinan akademik negara menerusi penganjuran Kursus *Persona of Academic Leaders* Siri 1 Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Sri Tanjung, UPSI.

Program anjuran UPSI ini telah menghimpunkan seramai 37 orang peserta yang terdiri daripada 34 warga akademik UPSI serta tiga peserta luar yang mewakili Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penyerahan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi ini mencerminkan keyakinan terhadap kepakaran UPSI dalam membangunkan kompetensi kepimpinan akademik serta memperkukuh jaringan kolaborasi antara universiti.

Kursus ini dikendalikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Prof. Dr. Raja Nor Safinas Raja Harun, yang berkongsi pengalaman serta pandangan berkaitan pembentukan persona seorang pemimpin akademik yang berkesan.

Simfoni Prestij KAB: Malam Apresiasi dan Simbolik Kesenambungan Kepimpinan

Tanjong Malim, 23 Julai - Dewan Kolej Za'ba, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bergema dengan sorakan dan suasana penuh gemilang dengan peserta seramai 150 orang pada malam Selasa lalu sempena penganjuran Majlis Apresiasi Acrux: Simfoni Prestij Kolej Aminuddin Baki (KAB).

Berkonsepskan tema "Hikayat Melayu dan Nusantara", acara yang bermula seawal jam 9.00 malam itu bukan sekadar sebuah majlis keraian, sebaliknya merupakan platform rasmi penyerahan amanah kepada barisan kepimpinan baharu Majlis Mahasiswa Kolej (MMK).

Sepanjang sesi selama enam jam itu, beliau menekankan bahawa kepimpinan yang cemerlang bermula daripada kefahaman terhadap potensi diri, pembinaan identiti kepimpinan yang autentik serta keupayaan memimpin berasaskan nilai dan integriti.

Selain itu, peserta turut didedahkan kepada pendekatan berasaskan kekuatan (*strengths-based approach*) dan kepentingan pemikiran strategik dalam menyelaraskan tindakan serta membuat keputusan yang selari dengan aspirasi dan hala tuju universiti. Melalui pendekatan ini, peserta berpeluang menilai semula gaya kepimpinan masing-masing, mengenali pasti kekuatan diri dan merangka strategi untuk meningkatkan keberkesanan kepimpinan dalam organisasi.

Walaupun kursus ini merupakan salah satu syarat wajib bagi proses kenaikan pangkat kakitangan akademik UPSI, penyertaan daripada universiti luar membuktikan bahawa pembangunan kepimpinan akademik merupakan keperluan bersama yang merentasi sempadan institusi.

Membawa hasrat besar untuk terus "Merangkul Kejuaraan AKK", majlis ini telah disusun atur dengan begitu teliti. Di bawah pengurusan pentas dan lantai yang efisien, kelancaran program memperlihatkan tahap profesionalisme yang tinggi dalam kalangan jawatankuasa pelaksana, bersesuaian dengan matlamat kolej untuk melahirkan pemimpin mahasiswa yang berintegriti. Lebih menarik lagi, majlis pada malam tersebut turut diserikan dengan nilai estetika yang tinggi menerusi paparan rekaan susun atur visual, animasi logo, serta grafik pergerakan (motion graphics) sewaktu tayangan montaj.



WEZAS UPSI santuni waris kakitangan, bantu pelajar asnaf terus pengajian

Tanjong Malim, 26 Julai - Pusat Zakat, Endowmen, Wakaf, Khairat dan Sedekah (WEZAS) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh agenda kebajikan warga universiti menerusi penyampaian sumbangan khairat kematian kepada waris kakitangan serta bantuan pendidikan kepada pelajar asnaf.

Dalam program ziarah kebajikan pada Jumaat lalu, WEZAS menyampaikan sumbangan khairat kematian berjumlah RM11,270 kepada waris Allahyarhamah Norhayati Nasir di kediaman keluarganya di Tangkak, Johor. Sumbangan tersebut disampaikan oleh wakil WEZAS, Abd. Ghani Mansor bersama Ustaz Ahmad Sadadi Hafidz sebagai tanda keprihatinan universiti terhadap keluarga Allahyarhamah yang telah berkhidmat selama 22 tahun di UPSI. Ziarah itu berlangsung di kediaman bapa Allahyarhamah, Nasir Saad, yang menzahirkan penghargaan atas keprihatinan pihak universiti.

"Beliau seorang yang ceria, lebih-lebih lagi apabila berkumpul bersama keluarga. Sebagai anak sulung, arwah sangat mesra

dengan adik-beradiknya. Saya mengucapkan terima kasih kepada UPSI kerana sudi hadir menziarahi kami dan menyampaikan sumbangan khairat ini," katanya. Menurut keluarga, Allahyarhamah yang merupakan anak sulung daripada lima beradik menghidap diabetes sejak 2006 sebelum mengalami kegagalan buah pinggang kronik yang memerlukan rawatan dialisis bermula pada 2014.

Keadaan kesihatannya semakin merosot apabila kaki kiri terpaksa dipotong pada penghujung 2024, diikuti kaki kanan pada Mei lalu akibat komplikasi penyakit. Allahyarhamah meninggal dunia pada 18 Mei 2026 di Hospital Kuala Lumpur pada usia 46 tahun.

WEZAS memaklumkan bahawa penyampaian khairat kematian bukan sekadar bantuan kewangan, malah mencerminkan nilai ihsan dan semangat kebersamaan yang menjadi teras universiti dalam menyantuni warga serta keluarga mereka ketika berdepan ujian. Dalam program sama, rombongan WEZAS turut mengunjungi Simpang Renggam, Johor bagi menyampaikan bantuan kepada pelajar semester

empat Diploma Pengajian Turath Islami, Muhammad Danish Ramadhan.

Bantuan itu disalurkan bagi menampung yuran pengajian dan yuran penginapan pelajar berkenaan, manakala baki perbelanjaan ditanggung oleh ibunya, Hellye Mallyiza Abu Bakar, 46, yang merupakan ibu tunggal.

Menurut Hellye Mallyiza, anak sulungnya itu tidak pernah banyak mengeluh mengenai kesempitan hidup kerana tidak mahu membebankan keluarga serta bimbang menjejaskan persekolahan adiknya yang kini berada di Tingkatan Lima.

WEZAS berkata, ziarah kebajikan merupakan antara pendekatan proaktif bagi mengenal pasti keperluan sebenar pelajar asnaf, di samping memastikan bantuan zakat disalurkan secara bersasar, telus dan memberi impak langsung kepada penerima.

Katanya, inisiatif kebajikan yang dilaksanakan secara berterusan itu mencerminkan komitmen WEZAS dalam memelihara kebajikan warga UPSI serta memperkukuh budaya saling membantu dan semangat kasih sayang dalam komuniti universiti.

